

Lelaki miliki senapang angin tanpa lesen didenda RM5,000

MIRI: Seorang lelaki didenda RM5,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan memiliki selaras senapang angin buatan sendiri tanpa lesen sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah mengambil kira pengakuan bersalah tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, rayuannya, keseriusan kesalahan serta kepentingan awam.

Tertuduh, Abang Sufyan Anuar, 40, dari Piasau Jaya 2A di sini, didakwa mengikut Seksyen 8 (a) Akta Senjata Api 1960 dan dihukum di bawah Seksyen 8 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hu-

kuman penjara hingga tujuh tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh didapati memiliki selaras senapang angin buatan sendiri tanpa mempunyai lesen yang sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11.30 malam, 1 September 2025 di rumahnya di Piasau Jaya Fasa 2A di sini.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.